

**IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 27**  
**PERNYATAAN SEMULA PERDAGANGAN PERTUKARAN MATA WANG ASING**  
**(FOREX)**

Menurut istilah, *forex* didefinisikan sebagai suatu transaksi pertukaran sejumlah nilai tertentu satu mata wang dengan satu mata wang yang lain, antara dua pihak, pada suatu kadar pertukaran yang dipersetujui, serta diserahkan pada suatu tarikh yang dipersetujui.

Operasi perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) adalah tertakluk kepada hukum jual beli dan syarat-syarat khusus *Bay' al-Sarf* (kontrak jual beli mata wang). Syarat-syarat khusus *Bay' al-Sarf* (kontrak jual beli mata wang) ialah sebagaimana berikut:

1. Berlaku *taqabbudh* (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam platform *forex* sebelum kedua-dua pihak yang menjalankan transaksi berpisah daripada masjlis akad;
2. Jual beli mata wang hendaklah dijalankan secara *lani* dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan; dan
3. Akad jual beli *al-Sarf* mesti bebas daripada *khiyar al-Syart*.

Berdasarkan kajian terperinci yang telah dilakukan, perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara *lani* (*individual spot forex*) melalui platform elektronik didapati **bercanggah dengan Syarak** kerana mengandungi unsur-unsur seperti riba melalui pengenaan *rollover interest*, pensyaratan jual beli dalam pemberian hutang melalui *leverage*, *qabd* yang tidak jelas ketika transaksi pertukaran, penjualan mata wang yang tiada dalam pegangan dan spekulasi yang melibatkan perjudian. Selain itu, ia juga **tidak sah dari sisi undang-undang** Kerajaan Malaysia.

Kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh S.S. Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, Almarhum Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria hanya mengharuskan tukaran asing (*forex*) dalam konteks jual beli mata wang asing di kaunter-kaunter tukaran asing (*money changer*) secara *lani* yang tidak melibatkan sebarang unsur haram yang dinyatakan di atas.

Tarikh : 29 Julai 2022  
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah

  
(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufti Negeri Perak